

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN**  
**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**  
**24 DISEMBER 2013**

**Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
  - Bahagian A : 30 Soalan Objektif
  - Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
  - Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
  - Bahagian A : Semua Soalan
  - Bahagian B : 7 Soalan sahaja
  - Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**SEMOGA BERJAYA**

## BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan setiap soalan mempunyai satu(1) markah. Pilih satu jawapan yang tepat bagi setiap soalan.

1. Pusingan atau Proses Pelaksanaan TPOR (Tekad Pemedulian Orang Ramai) yang teratur ada enam (6). Pusingan Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat adalah Pembentukan Jawatankuasa, Penggubalan, Promosi dan Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan. Pusingan yang seterusnya adalah :
  - a. Penilaian dan Penambahbaikan : Pemantauan
  - b. Pemantauan : Penilaian dan Penambahbaikan
  - c. Pemantauan : Penambahbaikan dan Penilaian
  - d. Pemantauan : Penilaian dan Rebiu
  
2. Sesuatu jawatan kosong untuk di "trade off" bagi maksud mengadakan gelaran jawatan yang sudah ada di Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan. Siapakah yang dimaksudkan dengan pihak berkuasa itu ?
  - a. Kementerian Kewangan
  - b. Jabatan Perdana Menteri
  - c. Jabatan Perbendaharaan
  - d. Jabatan Perkhidmatan Awam

5. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian / Jabatan secara bergaji hari bagi Lulusan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND). Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Diantara tugas jawatankuasa ini adalah :

- i. Memastikan calon-calon diperakukan dari segi kelulusan yang diiktiraf secara ujian bertulis dan/atau kaedah lain (jika perlu);
- ii. Memastikan pemohon-pemohon memenuhi Skim Perkhidmatan
- iii. Menemuduga calon-calon; dan

Sila nyatakan satu (1) lagi tugas jawatankuasa ini.

- a. Memastikan pemohon-pemohon menghadiri temuduga
- b. Membuat rumusan/laporan lengkap hasil dari temuduga.
- c. Memastikan ahli jawatankuasa menghadiri temuduga
- d. Memastikan pemohon-pemohon mengisi borang SPA/02

6. Merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012, Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai di dalam keadaan berikut :

- i. Dalam proses diambil tindakan tatatertib
- ii. Naik pangkat ke Bahagian I
- iii. Sepanjang tempoh pegawai menjalani cuti tidak bergaji

Apakah satu keadaan lagi ?

- a. Bertukar gelaran jawatan
- b. Mengambil cuti tahunan
- c. Bertukar ke Kementerian/Jabatan lain
- d. Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut

3. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut **Bab 38 (a)**. Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan di bawah bab ini ?
- Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
  - Pengiklanan dibukakan kepada kakitangan yang sedang berkhidmat di dalam Kementerian atau Jabatan Kerajaan itu sahaja
  - Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
  - Pengiklanan dibukakan kepada kakitangan yang berkhidmat di sektor swasta
4. Seorang pegawai dalam Bahagian II yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 4 Julai 2012. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya seterusnya ?
- 1 Ogos 2013
  - 4 Julai 2013
  - 1 Januari 2013
  - Belum berkecukupan

7. Apakah gred Penilaian Prestasi jika seorang pegawai itu mendapat penilaian 45% ?
- Memerlukan Pembaikan
  - Memuaskan
  - Baik
  - Sangat Baik
8. Kumpulan Kerja Cemerlang dilakukan dengan teknik-teknik tertentu kecuali seperti berikut:
- Percambahan fikiran
  - Penapisan senarai
  - Analisa Pareto
  - Balanced Score Card
9. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan Gaji Hari jika merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83 ?
- Setiausaha Tetap
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Ketua Jabatan
  - Badan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

10. Ciri-ciri Penilaian Prestasi bagi pegawai-pegawai bahagian I dan II kecuali seperti berikut:
- Pengetahuan kerja
  - Pengurusan kerja
  - Kebolehan pemahaman
  - Inovatif
11. Asas kenaikan pangkat mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, adalah seperti berikut:
- Kelayakan rasmi, pengalaman dan merit
  - Kelayakan rasmi, pengalaman dan senioriti
  - Kelayakan rasmi, kebolehan dan prestasi
  - Kelayakan tertinggi, pengalaman dan integriti
12. Ciri-ciri utama penilaian dan pemilihan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) adalah seperti berikut:
- Personaliti, dedikasi,kebolehharapan, akauntabiliti dan disiplin
  - Personaliti, dedikasi,kebolehharapan, akauntabiliti dan ketaatan bekerja
  - Personaliti, komitmen,kebolehharapan, akauntabiliti dan disiplin
  - Personaliti, dedikasi, pengetahuan jawatan, akauntabiliti dan kelakuan
13. Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam mempunyai 11 ciri. Sila susun semula ciri berikut :
- Sabar, tabah, dan bersopan santun amalan terpuji
  - Bersopan santun, tabah dan sabar amalan terpuji
  - Tabah, sabar dan bersopan santun amalan terpuji
  - Sabar, bersopan santun dan tabah amalan terpuji

14. Pegawai yang dikurniakan tambang menunaikan fardhu haji boleh memulakan cuti seperti berikut:
  - a. Hari penerbangan bertolak ke Arab Saudi dan sehari selepas sampai ke negara ini
  - b. Satu hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan satu hari sesudah sampai ke negara ini
  - c. Dua hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan dua hari sesudah sampai ke negara ini
  - d. Dua hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan tiga hari sesudah sampai ke negara ini
  
15. Cuti Khas menemani suami/isteri yang bertugas di luar negeri diberikan di bawah kementerian atau agensi tertentu kecuali
  - a. Kementerian Pertahanan
  - b. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan
  - c. Agensi Pelaburan Brunei
  - d. Kementerian Kewangan

16. Semua pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatannya dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggalaan 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman
- Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$50,000
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$15,000
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
17. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada kakitangan bergaji hari bagi yang berkelulusan Ijazah Sarjana ?
- \$140.00
  - \$127.70
  - \$90.45
  - \$111.30
18. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan cuti tanpa gaji bagi menunaikan fardhu haji atas pembiayaan persendirian yang kurang daripada 30 hari ?
- Ketua Jabatan
  - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Jurukira Agung



19. Seorang pegawai yang menemani pesakit menerima rawatan di luar negeri atas biaya kerajaan boleh diberikan cuti tertentu jika baki cutinya telah habis. Apakah jenis cuti yang dimaksudkan itu ?
- Cuti Khas
  - Cuti Pinjaman
  - Cuti Pendahuluan
  - Cuti Menemani Pesakit
20. Cuti Beranak diberikan kepada pegawai dan kakitangan perempuan di dalam Perkhidmatan Awam yang sah berkahwin di sisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Berapakah tempoh Cuti Beranak bagi pegawai dan kakitangan perempuan jika beliau mengalami keguguran sewaktu usia kandungan lebih dari 24 minggu ?
- 108 hari
  - 105 hari
  - 56 hari
  - Hanya diberikan Cuti Sakit
21. Seorang pegawai boleh dipertimbangkan menerima elaun pakaian untuk negeri-negeri sejuk yang menjalankan tugas tugas rasmi di negara-negara berhawa sejuk. Elaun ini dibayar seperti berikut:
- Tiap-tiap 3 tahun sekali dengan kadar \$1500
  - Tiap-tiap 4 tahun sekali dengan kadar \$500
  - Tiap-tiap 2 tahun sekali dengan kadar \$500
  - Tiap-tiap 5 tahun sekali dengan kadar \$1500

22. Elaun pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut di dalam negeri yang berumur seperti berikut:
- 5 tahun sehingga 25 tahun
  - 10 tahun sehingga 25 tahun
  - 5 tahun sehingga 28 tahun
  - 3 tahun sehingga 25 tahun
23. Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Dari senarai berikut, pegawai dalam bahagian manakah yang termasuk untuk anugerah ini ?
- Bahagian I dan II
  - Bahagian III, IV dan V
  - Bahagian IV , V dan pekerja gaji hari
  - Bahagian V sahaja
24. Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2010 dan diwajibkan kepada semua rakyat dan penduduk tetap yang pekerja di sektor awam dan sektor swasta dan berumur seperti berikut:
- Di antara 55 tahun hingga 60 tahun
  - Di bawah umur 60 tahun
  - Di bawah umur 65 tahun
  - Tiada had umur
25. Berapakah tempoh seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dibenarkan memegang jawatan tertentu ?
- Setelah ditetapkan dalam jawatan
  - Setelah satu tahun perkhidmatan
  - Setelah 6 bulan perkhidmatan
  - Tiada sekatan perkhidmatan

26. Apakah yang dimaksudkan dengan singkatan RLST dalam Kumpulan Kerja Cemerlang(KKC) ?
- Rancang ; Laksana ; Semak ; Tindakan
  - Rancang ; Laksana ; Semak ; Tempoh
  - Rebiu ; Lancar ; Sembahkan ; Tindakan
  - Rebiu ; Laksana ; Semak ; Tindakan
27. Salah satu syarat kelayakan untuk mendapatkan Pelanjutan Mata Gaji (EB Khas) adalah apabila seseorang pegawai telah menerima gaji maksimum selama lebih beberapa tahun.
- 1 tahun
  - 2 tahun
  - 3 tahun
  - 4 tahun
28. Tiga fokus dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke 21 kecuali.
- Dasar
  - Struktur organisasi
  - Pelakuan organisasi
  - Syarat-syarat perkhidmatan

29. Apakah definisi Pegawai Penilaian Semula dalam sistem Penilaian Prestasi Kakitangan Perkhidmatan Awam ?

- a. Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengawasi pekerjaan dan kesejahteraan serta menilai prestasi pegawai dan kakitangan yang di dalam bidangkuasa arahnya secara langsung
- b. Pegawai yang lebih kanan dalam Kementerian/Jabatan berkenaan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam pekerjaan dan pengawasan pegawai dan kakitangan yang dikendalikan oleh pegawainya
- c. Pegawai atau kakitangan yang terkandung di bawah pengawasan dan arahan pegawai yang lebih kanan
- d. Ketua Jabatan

30. Surat Keliling hanya boleh dikeluarkan oleh kementerian berikut:

- a. Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- b. Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan
- c. Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
- d. Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Perkhidmatan kontrak luar negeri
2. Kaedah iklan 38b
3. Contoh Tekad Pemeduliaan Orang Ramai
4. Penetapan tarikh lahir.
5. Rukun Akhlak dan Etika Kerja: **Pemeduliaan Asas Perpaduan**
6. Keluar semasa waktu pejabat melebihi setengah hari.
7. Peraturan Permohonan Keluar Negeri menurut peraturan 9, Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83.
8. Tiga daripada garispandu menghantar pegawai kerajaan keluar negeri bagi menghadiri persidangan/mesyuarat/menghadiri program latihan jangka pendek menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:11/2009
9. Definasi Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)
10. Cuti Mandatori

## **BAHAGIAN C**

**Bahagian ini mengandungi tiga(3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua(2) soalan sahaja daripada tiga(3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17.5 markah**

### **SOALAN 1**

1. Terangkan dalam keadaan mana sesuatu jawatan itu hanya boleh dibenarkan memangku menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/2008. **( 3 markah)**
2. Terangkan tempoh lantikan memangku yang boleh dibayar menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/2008. **( 4 markah)**
3. Terangkan dengan memberikan contoh apa yang dimaksudkan lantikan memangku hanya dibenarkan pada peringkat 2 talian sahaja? **(3 ½ markah)**
4. Terangkan kadar elaun memangku perenggan 4.1 dan 4.2 menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/2008. **( 6 markah)**
5. Sebutkan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan yang tidak boleh dilantik memangku. **(1 markah)**

### SOALAN 3

Bab 35 daripada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 adalah mengenai Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan kerajaan.

- a) Sila nyatakan Penguasa Tatatertib bagi pegawai/kakitangan yang dalam Bahagian I, II, III, IV dan V serta bergaji hari ? **(2 markah)**
- b) Apakah dasar-dasar yang digunakan dalam melaksanakan tindakan tatatertib ? **(5 markah)**
- c) Berikan LIMA (5) sahaja peraturan-peraturan yang mengawal pegawai-pegawai kerajaan ? **(2½markah)**
- d) Terangkan yang dimaksudkan dengan waktu bekerja bagi pegawai-pegawai kerajaan sepertimana yang dinyatakan dalam Bab 4 Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan Dan Tatatertib) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83? **(4 markah)**
- e) Bab 5 daripada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 adalah mengenai masa pegawai. Terangkan yang dimaksudkan dengan masa pegawai ? **(4 markah)**

\*\*\*\*\* SEMOGA BERJAYA \*\*\*\*\*